

Malaysia Perlu Kekang Tekanan Harga: Ahli Ekonomi Bernama
22 Mac, 2013

KUALA LUMPUR, 22 Mac (Bernama) -- Malaysia, yang menyaksikan peningkatan penggunaan domestik, perlu memastikan tiada tekanan harga berlebihan memandangkan dengan persekitaran luaran yang bertambah baik, negara boleh melihat pertumbuhan melebihi jangkaan, kata seorang penganalisis.

Ketua Ekonomi Kumpulan RAM Holdings Bhd Dr Yeah Kim Leng berkata jika permintaan domestik berkembang dengan kukuh daripada kemampuan, negara boleh melihat tekanan inflasi tarikan permintaan berlaku, menyebabkan harga yang lebih tinggi.

Beliau berkata setakat ini, tidak ada bukti inflasi tarikan permintaan.

"Bagaimanapun, tahun lepas terdapat beberapa kebimbangan terhadap peningkatan dalam harga komoditi dan inflasi tolakan kos, tetapi kedua-duanya menurun," kata beliau kepada Bernama di luar seminar berkaitan Ucapan Gabenor BNM mengenai Ekonomi Malaysia & Panel Perbincangan di sini, semalam.

Yeah berkata untuk pertumbuhan jangka panjang yang mampan dan peningkatan produktiviti, adalah penting untuk meningkatkan lagi liberalisasi supaya peningkatan daya saing dan persaingan akan memacu kecekapan dan produktiviti dengan lebih tinggi.

Beliau berkata Malaysia melihat liberalisasi secara beransur-ansur, terutamanya dalam persekitaran operasi hasil daripada Program Transformasi Kerajaan (GTP), tetapi masih terdapat keperluan menambah usaha untuk meliberalisasikan lagi dan mengukuhkan asas daya saing.

Yeah berkata asas-asas utama telah ada dan kini adalah masa untuk mengeluarkan apa sahaja yang masih menahan langkah Malaysia ke arah ekonomi yang lebih cekap dan berdaya saing.

Sektor swasta perlu bertindak balas terhadap semua kuasa perubahan dan inovasi yang akan memacu kecekapan dan pelbagaian ekonomi, katanya.

"Dengan memacunya, kita boleh mempunyai ekonomi yang dibina di atas asas daya saing yang kukuh dan kerana peningkatan kecekapan dan daya saing ekonomi, Malaysia boleh, dari segi eksport, terus untuk bersaing dengan negara-negara lain," kata Yeah.

Sementara itu, Presiden Persatuan Ekonomi Malaysia, Tan Sri Mohd Sheriff Mohd Kassim berkata: "Di negara-negara maju, perbelanjaan pengguna mendorong ekonomi, tetapi mereka kini berhadapan dengan masalah, pengangguran telah meningkat di negara-negara Eropah dan pendapatan telah berkurangan, menyebabkan perbelanjaan pengguna yang lebih rendah.

"Di negara-negara maju pun perbelanjaan penggunalah yang memajukan ekonomi tetapi negara mereka sekarang mengalami masalah, pengangguran telah naik di negara-negara Eropah, pendapatan telah menurun, dan menyebabkan perbelanjaan pengguna merosot.

"Tetapi sebaliknya di Malaysia, kita tiada pengangguran, pendapatan naik daripada tahun sudah, kuasa perbelanjaan naik jadi perbelanjaan pengguna meningkat, dan ini menyebabkan sektor perniagaan dan perkhidmatan dapat berkembang dengan baik," kata

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/bu/newsbusiness.php?id=936572>